

Surat khabar: Berita Harian ( Sarawak )

Hari/Tarikh: 19/9/2013

Muka surat: 3

Tajuk : UNIMAS Mahu Manfaat Media Sosial.

BH

19 SEPTEMBER 2013 KHAMIS

SARAWAK 3

# UNIMAS mahu manfaat media sosial

**Kota Samarahan:** Penggunaan media sosial yang sebelum ini menjadi alternatif pemerolehan maklumat kini dikesan mengambil alih tempat media arus perdana.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Mohamad Kadim Suaidi, berkata pihaknya komited melaksanakan dasar pintu terbuka bagi memudahkan interaksi kakitangan, terutama membabit-

kan sektor akademik dalam berurusan dengan pelajar dan orang ramai.

## Generasi agresif, berbudaya

"UNIMAS mencapai kemasukan 16,657 pelajar dengan sebahagian besarnya generasi muda yang terdedah dengan teknologi semasa dan mahu dikenali sebagai generasi agresif, lebih berpendidikan dan berbudaya maklumat.

"Ini generasi teras kecemer-

langan UNIMAS dalam membentuk masa depan negara dan saya mahu setiap ketua jabatan akademik UNIMAS memiliki akaun Facebook dan Twitter bagi memastikan wujud komunikasi secara langsung dengan pelajar dan orang ramai," katanya semalam.

Beliau sebelum itu menghadiri Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS di Dewan Tun Abdul Razak (DeTAR) Putra yang disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri,

Tan Sri Morshidi Abdul Ghani.

Prof Mohamad Kadim berkata, sistem penyampaian UNIMAS perlu ditingkatkan seiring perubahan sosial yang memerlukan maklumat disalurkan dengan tepat dan pantas.

"Saya yakin kita bukan saja perlu mudah dihubungi tetapi juga senang didekati. Segala maklum balas boleh disalurkan tanpa membabitkan kerenah birokrasi," katanya.

## FAKTA NOMBOR

# 16,657 pelajar

UNIMAS yang sebahagian besarnya generasi muda terdedah dengan teknologi semasa